i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA DAN SABK 2024

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

## PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

## KERTAS 1

## PERATURAN PEMARKAHAN

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**Peraturan Pemarkahan ini adalah Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK. Kegunaannya hanyalah untuk pemeriksa yang berkaitan sahaja.**

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 7 halaman bercetak

 **© 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK**

# PERATURAN PEMARKAHAN

**BAHAGIAN A**

| | |
|---|---|
| مد صلة قصيرة | 1 |
| مد لازم كلمي مثقل | 2 |
| ڤنجڠ 2 حرکة | 3 |
| ڤنجڠ 2 حرکة | 4 |
| مد عوض | 5 |
| مد لازم حرفي | 6 |
| ترقيق | 7 |
| انتظاري | 8 |
| وحي | 9 |
| ضابط | 10 |
| افعال العباد | 11 |
| رُقْية | 12 |
| معجزة | 13 |
| صحيح لغيره | 14 |
| اجباري | 15 |
| روحاني | 16 |
| ڤنوليسن | 17 |
| عادل | 18 |
| اجباري | 19 |
| ڤيزيکل | 20 |

 **© 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK**

**BAHAGIAN B**

<table>
<tr><th colspan="2">SOALAN 1</th><th>CONTOH JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Satu intisari ayat:<br>1. Allah menjelaskan mengenai nasihat Luqman kepada anak lelakinya supaya bersyukur kepada Allah / atas segala nikmatnya.<br>2. Allah swt menerangkan, setiap anak wajib melayani kedua-dua ibu bapanya dengan cara yang baik / supaya menjaga hak mereka.<br>3. Allah swt menerangkan, mentaati perintah kedua-dua ibu bapa terhadap perkara syirik adalah dilarang / dalam apa jua bentuk sekalipun.</td><td>1isi + 1h<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Kepentingan berbuat baik kepada ibu bapa:<br>1. Mendapat keberkatan dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat / H.<br>2. Melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan penyayang / H.<br>3. Melahirkan keluarga bahagia baiti jannati / H<br>4. Menjadi sebab kepada anak untuk memasuki syurga Allah / H.<br>5. Melahirkan pemimpin negara yang prihatin terhadap golongan warga tua / H</td><td>1isi + 1h<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Kesan yang berlaku jika tidak mentaati ibu bapa:
<table>
<tr><td>Fakta</td><td>Keluarga akan porak peranda dan lahirnya anak derhaka</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Kerana tidak beradab dengan ibu bapa</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Kesannya, keharmonian masyarakat akan terganggu.</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>رضا الله في رضا الوالدين</td></tr>
<tr><td>Huraian Dalil</td><td>Dalil ini menjelaskan keredhaan Allah bergantung kepada redhanya ibu bapa kepada anaknya.</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu, kita wajib mentaati ibu bapa agar kehidupan diredhai Allah.</td></tr>
</table>
*Mana-mana jawapan yang sesuai boleh diterima.</td><td>1m isi<br>1m huraian<br>1m h.lengkap<br>1m dalil<br>1m h.dalil<br>1m rumusan<br>= 6 markah</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Sebab nuzul ayat 3 surah an-Nur:<br>1. Marsad bin Abi Marsad bertugas membawa tawanan dari Mekah ke Madinah.<br>2. Dalam perjalanan beliau digoda dengan seorang pelacur bernama ‘Anaq.<br>3. Sampai di Madinah Marsad bertanya Nabi saw hasrat untuk menikahinya.<br>4. Maka turunlah ayat ini untuk menjawab persoalan tersebut.</td><td>2isi x 1m<br>=2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Pengertian zina :<br>Persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan / tanpa ikatan perkahwinan yang sah.</td><td>1isi x 2m<br>=2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Dua usaha dan tindakan masyarakat untuk menangani jenayah zina, qazaf dan li’an dalam kehidupan:<br>1. Ibu bapa perlu peka dengan aktiviti anak-anak / di dalam dan di luar rumah serta memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dengan kegiatan yang tidak bermoral.<br>2. Masyarakat perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa / iaitu dengan bertindak membuat laporan apabila berlaku jenayah zina di kawasan mereka.<br>3. Persatuan kejiranan perlu lebih prihatin dengan keadaan penduduk setempat dan membuat rondaan secara berkala / untuk memastikan jenayah ini tidak berleluasa di kawasan mereka.<br>*mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2isi + 2h<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iv)</td><td>Pengajaran ayat:<br>1. Kita perlu menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan / serta menjauhi perkara-perkara yang boleh mendorong kepada zina.<br>2. Umat Islam hendaklah menjauhi daripada melakukan tuduhan palsu / tanpa sebarang usul periksa.<br>3. Kita seharusnya menjauhkan diri daripada perbuatan zina / yang membawa kesan buruk kepada diri, keluarga dan masyarakat.<br>*mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>1isi + 1h<br>= 2 markah</td></tr>
</table>

 **© 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK**

<table>
<tr><th colspan="2">SOALAN 2</th><th>CONTOH JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud " أمرين "yang bergaris dalam hadis diatas :<br>Dua perkara iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah</td><td>2 isi x 1m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua sebab perlu berpegang kepada Al-Quran dan AL-Sunnah:<br>1. Mendapat taufik dan hidayah Allah swt + H<br>2. Panduan utama dalam kehidupan + H<br>3. Mengelakkan perpecahan dalam kehidupan + H<br>4. Ajarannya benar dan tidak diragui + H<br>5. Kandungannya sesuai untuk sepanjang masa + H</td><td>2 isi +2h<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Tindakan saya untuk menjadikan Quran Sunnah sebagai panduan :<br>1. Mendalami Quran dan sunnah sejak kecil + H<br>2. Melibatkan diri dalam halaqah Quran dan majlis bacaan hadis + H<br>*Mana-mana jawapan yang sesuai boleh diterima.</td><td>2 isi + 2h<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud Naungan Allah swt :<br>Naungan Allah swt bermaksud kesejahteraan, keselamatan, dan limpahan rahmat yang diberikan kepada tujuh golongan istimewa / daripada panas terik matahari yang sangat dekat dengan kepala manusia atau azab di padang Mahsyar</td><td>1 isi x 2m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua golongan yang mendapat naungan Allah swt :<br>1. Pemimpin yang adil<br>2. Pemuda yang mengabdikan diri untuk Allah swt<br>3. Golongan yang menangis ketika mengingati Allah swt<br>4. Lelaki yang hatinya terpaut dengan masjid<br>5. Dua lelaki yang mencintai kerana Allah swt<br>6. Golongan yang menjaga kehormatan diri<br>7. Golongan yang sedekah secara sembunyi</td><td>2 isi x 1m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td><table>
<tr><td>Fakta</td><td>Bersedekah secara terangan-terangan menggalakkan orang lain ikut bersedekah</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Kerana ia membangkitkan sifat berlumba-lumnba dalam kebaikan</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Kesannya, lebih banyak manfaat yang akan diperoleh oleh golongan yang memerlukan</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>فاستبقوا الخيرات</td></tr>
<tr><td>Huraian Dalil</td><td>Dalil di atas menjelaskan bahawa berkejarlah kejarlah dalam berbuat kebaikan</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan</td><td>Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berusaha dalam menyebarkan apa jua bentuk kebaikan agar manfaatnya dapat dinikmati bersama.</td></tr>
</table>*Mana-mana jawapan yang sesuai boleh diterima.</td><td>1m isi<br>1m huraian<br>1m h.lengkap<br>1m dalil<br>1m h.dalil<br>1m rumusan<br>= 6 markah</td></tr>
</table>

 **© 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK**

<table>
<tr><th colspan="2">SOALAN 3</th><th>CONTOH JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud ulum al-quran :<br>Suatu ilmu yang membahaskan tentang al-Quran dari segi penurunan, penyusunan dll / dan perkara yang berkaitan dengan al-Quran.</td><td>1 isi x 2m<br>=2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Kepentingan Ulum Al-Quran Dalam Membantu Ahli Tafsir:<br>1. Dapat membantu ahli tafsir untuk memahami kandungan al-Quran / bagi mengeluarkan hukum daripadanya.<br>2. Pentafsir dapat menguasai berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan / yang terdapat dalam al-Quran.</td><td>1 isi + 1h<br>=2 markah</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua Metodologi Rasmu Uthmani:<br>1. Al-Badal 2. Al-Hazfu 3. Al- Ziyadah 4. Al-Faslu 5. Al-Isbat</td><td>2 isi x 1m<br>=2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Usaha Negara Untuk Menggunakan Rasmu Uthmani Dalam Memahami Al-Quran:<br>1. Mewajibkan pembelajaran keistimewaan Rasmu Uthmani sejak sekolah lagi / supaya sebagai satu pendedahan kepada pelajar.<br>2. Memupuk minat masyarakat mempelajari Rasmu Uthmani / melalui rancangan dan kuliah televisyen.<br>3. Mencetak buku-buku panduan memahami Rasmu Uthmani / untuk diedarkan kepada masyarakat.</td><td>2 isi + 2h<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Takrir Nabi ialah:<br>Sesuatu perkara yang dilakukan dihadapan baginda saw atau sampai ke pengetahuan baginda, / namun baginda tidak menegahnya atau menzahirkan kebencian.</td><td>1 isi + 1h<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Perbezaan al-Quran dan Hadis Nabawi:
<table>
<tr><th>Hadis Qudsi</th><th>Hadis Nabawi</th></tr>
<tr><td>Makna drpd Allah dan lafaz drpd Nabi saw</td><td>Makna dan lafaz drpd Nabi saw.</td></tr>
<tr><td>Dinisbahkan kpd Nabi saw dgn lafaz :<br>قال رسول الله (ص) : فيما يرويه عن ربه</td><td>Dinisbahkan kpd Nabi saw dgn lafaz : قال رسول الله (ص)</td></tr>
</table></td><td>1 isi + 1 isi<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td>(d)</td><td>(i)</td><td>Faktor yang mendorong perkara tersebut menular ialah:
<table>
<tr><td>Fakta</td><td>Fahaman ini banyak diketuai oleh golongan intektual dan berpengaruh</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Sehingga mendukung penerbitan buku-buku, artikel dan seminar berkaitan.</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Kesannya ajaran ini tersebar luas sehingga wujudnya satu kumpulan besar yang berpengaruh.</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ</td></tr>
<tr><td>Huraian Dalil</td><td>Dalil ini menjelaskan dua perkara yang tidak akan sesat selama-lamanya selagi mana n berpegang pada keduanya iaitu kitab Allah dan sunnah nabi-Nya.</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu, Umat Islam perlulah mempunyai pemantapan ilmu agama yang kuat agar dapat menjauhi daripada terjebak dengan ajaran-ajaran yang sesat .</td></tr>
</table>
*mana-mana jawapan yang munasabah</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 h. lengkap<br>1 dalil<br>1 h. dalil<br>1 kesimpulan<br>= 6 markah</td></tr>
</table>

 **© 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK**

<table>
<tr><th colspan="2">SOALAN 4</th><th>CONTOH JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud Ihsan dari segi istilah :<br>Seseorang menyembah Allah seolah-olah dia melihat Allah / dan meyakini bahawa Allah melihat perbuatannya.</td><td>1 isi x 2m<br>=2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Cara mencapai Ihsan dalam akhlak:<br>1. Mentaati perintah dan larangan Allah / dengan ikhlas.<br>2. Sentiasa merasakan nikmat beribadah / yg mendorong seseorang menyembah Allah.<br>3. Berusaha untuk mendapatkan ganjaran pahala / daripada Allah<br>4. Memelihara kesucian aqidah / supaya tidak rosak atau terbatal.<br>5. Istiqamah mengerjakan ibadah / sama ada kewajipan atau amalan sunat.</td><td>1 isi + 1h<br>=2 markah</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Hujah sekiranya Ayat Mutasyabihah tidak diberikan pendedahan kepada masyarakat kini.
<table>
<tr><td>Fakta</td><td>Masyarakat mudah terpesong dalam memberi maksud ayat mutasyabihat yang sebenar.</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Hal ini menyebabkan mereka sekadar mentafsir ayat mengikut fahaman akal semata-mata.</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Kesannya fahaman yang salah akan tersebar luas sehingga difahami dan diamalkan oleh masyarakat.</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ</td></tr>
<tr><td>Huraian Dalil</td><td>Dalil ini menjelaskan dua perkara yang tidak akan sesat selama-lamanya selagi mana berpegang pada keduanya iaitu kitab Allah dan sunnah nabi-Nya.</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu, umat islam perlulah mempunyai pemantapan ilmu agama terutamanya tetang ayat mutasyabihat yang kuat agar dapat menjauhi daripada terjebak dengan ajaran-ajaran yang sesat .</td></tr>
</table></td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 h. lengkap<br>1 dalil<br>1 h. dalil<br>1 kesimpulan<br>= 6 markah</td></tr>
<tr><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Pengertian Adab Bergaul:<br>Berinteraksi sesama manusia / yang menepati atau menjaga adab dan batasan yang ditetapkan oleh syarak.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Tanggungjawab Yang Perlu Dititik Beratkan Ketika Bergaul Sesama Rakan:<br>1. Menjaga tutur / kata tanpa menyinggung perasaan orang lain.<br>2. Menjaga batas aurat / agar tidak menimbulkan nafsu atau fitnah di kalangan orang ramai<br>3. Saling tolong menolong / dengan sesiapa sahaja dalam perkara kebaikan.<br>4. Bersikap sopan dengan sesiapa / memberi senyuman, berbicara dengan suara yang lembut dan peramah.<br>*mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>1 isi + 1h<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td>(d)</td><td>(i)</td><td>Dua Peringkat Amar Makruf Nahi Mungkar:<br>1. Mencegah kemungkaran dengan kuasa.<br>2. Mencegah dengan nasihat atau dialog secara bijaksana<br>3. Membenci kemungkaran atau maksiat yang berlaku.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua Peranan Amar Makruf Atau Nahi Mungkar Di Sekolah:<br>1. Menjadikan seseorang melaksanakan tanggungjawab sebagai individu muslim / berdasarkan perintah Allah.<br>2. Mampu menjaga keselamatan dan kesejahteraan umat Islam / dari perkara-perkara mungkar.<br>3. Menunjukkan tahap kekuatan iman seseorang muslim / untuk menjadi lebih bertakwa.<br>*mana-mana jawapan yang munasabah, diterima.</td><td>2 isi + 2h<br>= 4 markah</td></tr>
</table>

 **© 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

 **© 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA dan SABK**